

E-NEWSLETTER

NADI NURTURE DILEA DIGITAL LEARNING

8 SEPTEMBER 2025

EDISI 07

Perubahan Nama Bimbingan Akademik Live Class & Open Live Class

Selari dengan komitmen kami untuk meluaskan akses kepada pendidikan berkualiti, dua program di bawah elemen Live Classes telah diperkenalkan dengan nama baharu. Bimbingan Akademik Live Class dan Open Live Class kini secara rasminya dikenali sebagai Guidance Tuition dan Open Tuition, satu langkah strategik bagi memastikan program ini dapat diperkenalkan secara lebih meluas dan berkesan kepada golongan yang memerlukan.

Guidance Tuition diteruskan dengan tumpuan membimbing pelajar Tingkatan 4 & 5 secara rapat dan berterusan dengan menyediakan bimbingan dan latihan yang diperlukan secukupnya bagi persediaan menempuh Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Manakala bagi Open Tuition pula, penukaran nama daripada Open Live Class seiring dengan penambahan tingkatan 1 hingga 6 bagi subjek Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sejarah dan Sains. Perubahan ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada komuniti sekitar NADI terutamanya golongan yang memerlukan.

Dengan perubahan ini, kami berharap dapat memperkukuh komitmen kami dalam menyediakan akses pendidikan berkualiti dan membantu lebih ramai pelajar mencapai kecemerlangan akademik. Kami menjemput semua pelajar dan komuniti untuk terus menyokong inisiatif ini dan memanfaatkan sepenuhnya peluang yang ditawarkan.

8-15 OGOS 2025

Guidance Tuition Tingkatan 4 & 5

Pelaksanaan program Guidance Tuition diteruskan sepanjang bulan Ogos, dengan fokus kepada pelajar Tingkatan 4 dan 5.

Kelas secara langsung bagi Tingkatan 5 telah diadakan pada hujung minggu, dari 8 hingga 10 Ogos, merangkumi subjek Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, dan Matematik. Manakala, kelas bagi Tingkatan 4 pula dijalankan dari 10 hingga 15 Ogos mengikut jadual yang diatur berdasarkan zon negeri masing-masing, turut menawarkan subjek yang sama.

Sesi bimbingan, yang berlangsung pada minggu ketiga dan keempat, memberikan penekanan kepada latihan, kuiz, dan perekodan prestasi bagi setiap pelajar oleh guru-guru panitia.



Peserta dari NADI Pekan Asajaya, Sarawak

4-28 OGOS 2025

Open Tuition Tingkatan 1-6

Program Open Tuition yang melibatkan tingkatan 1-6 mula dijalankan pada bulan Ogos menyediakan subjek Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Matematik dan Sains.

Pada mulanya, program ini dijalankan dalam dua sesi utama, iaitu sesi pagi dikhususkan untuk Tingkatan 1 dan 2, manakala sesi petang pula melibatkan Tingkatan 3 hingga 6. Namun, atas sambutan yang amat memberangsangkan daripada pelajar dan komuniti, pihak kami telah memperkenalkan penambahan sesi petang bagi Tingkatan 1 dan 2 bermula bulan September. Ini menjadikan pelajar Tingkatan 1 dan 2 kini dapat menyertai kelas dalam dua sesi, pada waktu pagi dan petang.

Peserta dari NADI Lui Selatan, Negeri Sembilan

1-30 OGOS 2025

Video On Demand (VOD)-Video Ulangkaji

Program Video On Demand (VOD) - Video Ulangkaji kini telah diperluaskan skopnya bermula bulan Ogos. Jika sebelum ini rakaman video ulangkaji hanya terbuka kepada pelajar Guidance Tuition, kini ia boleh diakses oleh setiap peserta yang berminat.

Perluasan ini merupakan langkah proaktif untuk meluaskan jangkauan program dan peluang pembelajaran kepada semua, selari dengan komitmen kami untuk menyediakan sokongan pendidikan yang lebih menyeluruh kepada komuniti. Melaluinya, setiap individu kini berpeluang mendapatkan akses kepada bahan ulangkaji yang berkualiti, tanpa mengira status penyertaan mereka.



Peserta dari NADI Taman Perling, Johor


29 OGOS 2025

Podcast Episod 6

Podcast DILEA Episod 6 telah ditayangkan pada 29 Ogos 2025, membawakan topik menarik bertajuk ‘THINK LOCAL, SPEAK GLOBAL: MASTERING ENGLISH IN MALAYSIA’.

Episod ini menampilkan Mr. Karl, yang berkongsi pandangan dan strategi praktikal untuk menguasai Bahasa Inggeris di Malaysia. Beliau turut mengupas cara-cara untuk berkomunikasi dengan lebih berkesan di peringkat global tanpa melupakan identiti tempatan. Episod ini amat sesuai untuk guru, ibu bapa dan pelajar yang ingin meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris mereka.

Tonton sekarang di saluran Youtube DILEA Studio.



Mr Karl, Panel Jemputan Podcast DILEA Episod 6

7-9 & 22-24 OGOS 2025

Program Madani Rakyat Kota Bharu, Kelantan & Nilai, Negeri Sembilan

Bersempena penganjuran Program MADANI Rakyat di Kota Bharu, Kelantan (7-9 Ogos) dan Nilai, Negeri Sembilan (22-24 Ogos), DILEA Digital Learning telah mengambil peluang untuk mengumumkan secara rasmi penjenamaan semula program Live Class kepada Guidance Tuition dan Open Tuition.

Penglibatan kami di kedua-dua lokasi ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Reruai kami menjadi tumpuan utama, terutamanya daripada guru dan pelajar yang hadir.



Kunjungan daripada YB Dato' Haji Mohammad Yusof Bin Apdal, Timbalan Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi



Pengunjung reruai DILEA Digital Learning

8 OGOS 2025

Liputan Bernama di Reruai DILEA Digital Learning

Sempena Program MADANI Rakyat (PMR) 2025 Kelantan pada 8 Ogos, NADI Nurture DILEA telah mendapat liputan khusus daripada Bernama, agensi berita nasional. Laporan tersebut menyorot pencapaian luar biasa NADI Nurture DILEA yang telah memberi manfaat tuisyen percuma kepada lebih 87,000 pelajar di seluruh negara sejak dilancarkan (data sehingga 8 Ogos 2025).

Laporan ini membantu program DILEA Digital Learning untuk terus memperluaskan pencapaian kepada komuniti yang memerlukan di seluruh Malaysia.

Dengan publisiti ini, kami berharap dapat menyebarkan lagi kesedaran tentang program-program yang ditawarkan, sekali gus memastikan setiap individu berpeluang mendapatkan akses kepada pendidikan digital yang berkualiti.



Liputan Bernama berkenaan penyertaan DILEA Digital Learning

2, 16 & 23 OGOS 2025

Webinar Berkala Sejarah, Bahasa Inggeris, dan Motivasi Pelajar

Siri webinar berkala telah diteruskan pada bulan Ogos dengan tiga sesi yang mendapat sambutan menggalakkan.

Webinar Berkala Sejarah Edisi 2 telah diadakan pada 2 Ogos bersama Cikgu Rafi, diikuti Webinar Berkala Bahasa Inggeris Edisi 4 pada 16 Ogos yang menampilkan Teacher Diyana. Siri ini diakhiri dengan Webinar Motivasi Pelajar Edisi 3 pada 23 Ogos yang menampilkan Cikgu Firdaus.

Kesemua sesi ini bertujuan untuk memberikan bimbingan dan perkongsian berharga bagi membantu pelajar dalam persediaan akademik dan mental mereka.

Peserta Webinar Berkala NADI Sundar, Sarawak

